






JABATAN PERDANA MENTERI

- **MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**
- Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan



A vertical decorative bar on the left side of the page, consisting of a thin orange line and a wider orange bar with a diagonal cut at the bottom.

YAYASAN TAQWA WILAYAH PERSEKUTUAN



YAYASAN TAQWA WILAYAH PERSEKUTUAN

(Syarikat Berhad Menurut Jaminan)
Ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

RUMUSAN AUDIT

" Objektif penubuhan Yayasan Taqwa telah tercapai melalui agihan dana kepada penerima dan mempunyai kedudukan kewangan yang stabil. Bagaimanapun, tadbir urus korporat adalah kurang memuaskan "

PENCAPAIAN KEBERHASILAN



47 SASARAN KPI

- 13 Capai
- 9 Tidak Capai
- 12 Tidak Dapat Diukur
- 13 Tidak Dilaksana

KPI – Petunjuk Prestasi Utama

PENGURUSAN AKTIVITI AGIHAN DANA

1

RM74 JUTA
PERUNTUKAN
DARIPADA MAIWP



RM66.75 JUTA AGIHAN DANA



KEBAJIKAN
RM32.43 juta



DAKWAH
RM20.05 juta



PENDIDIKAN
RM14.27 juta

KETIDAKPATUHAN KEPADA PROSEDUR OPERASI STANDARD

2

PENYEDIAAN LAPORAN PROGRAM DAN PERBELANJAAN



- 17 NPO tidak kemuka laporan
- 7 NPO yang tidak kemuka laporan bantuan terdahulu telah terima bantuan baharu
- 3 bayaran kepada pegawai agensi kerajaan tidak disertakan laporan

NPO – Non-Profit Organisation

TADBIR URUS KORPORAT



1

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH (LPA)

- Terma dan rujukan LPA tidak dibentang untuk kelulusan LPA
- 15 daripada 18 LPA tidak hadir kursus

2



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

- Tidak diisi sejak 1 Mac 2020

3

PELAN STRATEGIK

- Tidak dibentang untuk kelulusan LPA



4



AUDIT DALAM

- 1 pengauditan bagi tempoh 2019 – Mac 2022

YAYASAN TAQWA WILAYAH PERSEKUTUAN

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan (Yayasan Taqwa) ialah sebuah syarikat berhad menurut jaminan yang bukan berorientasikan keuntungan ditubuhkan pada 20 November 1990 oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Aktiviti utama Yayasan Taqwa ialah mengagihkan dana peruntukan daripada MAIWP kepada individu dan *Non-Profit Organisation* (NPO) di luar Wilayah Persekutuan berdasarkan tiga teras utama iaitu Teras Dakwah, Teras Kebajikan dan Teras Pendidikan.
- Prestasi dan pengurusan aktiviti utama Yayasan Taqwa yang dinilai ialah aktiviti agihan dana daripada MAIWP bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Mac 2022.
- Perkara yang dinilai bagi prestasi aktiviti ialah pencapaian KPI Keberhasilan Utama.
- Bagi pengurusan aktiviti, tiga perkara yang dinilai ialah terimaan dan agihan dana; pemilihan penerima dana meliputi pendaftaran NPO serta penyediaan Laporan Program dan Perbelanjaan; dan penyaluran agihan dana.
- Penilaian terhadap sembilan aspek tadbir urus korporat iaitu Pengerusi, Lembaga Pemegang Amanah (LPA), Ketua Pegawai Eksekutif (KPE), Setiausaha Syarikat, Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Prosedur Operasi Standard (SOP), Jawatankuasa Audit, Audit Dalam serta Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan dibuat bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Mac 2022.
- Analisis kedudukan kewangan dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit tahun 2019, 2020 dan 2021.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Yayasan Taqwa berperanan untuk menerima dan mengurus dana untuk diagihkan kepada golongan asnaf miskin, muallaf dan fisabilillah.
- Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, Yayasan Taqwa telah menerima dana daripada MAIWP berjumlah RM74 juta dan sejumlah RM66.75 juta (90.2%) telah diagihkan kepada penerima bantuan.
- Pengagihan dibuat berdasarkan kepada tiga teras utama iaitu Teras Dakwah, Teras Kebajikan dan Teras Pendidikan tanpa mengira batas bangsa dan fahaman politik. Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, Teras Kebajikan menerima agihan dana tertinggi iaitu

RM32.43 juta (48.6%) berbanding Teras Dakwah RM20.05 juta (30%) dan Teras Pendidikan RM14.27 juta (21.4%).

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, Yayasan Taqwa telah mencapai objektif penubuhan dalam mengagihkan dana kepada penerima bantuan dengan agihan dana berjumlah RM66.75 juta (90.2%). Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, sebanyak 13 (27.7%) KPI Keberhasilan Utama telah dicapai manakala sembilan tidak dicapai. Selain itu, 13 KPI tidak dilaksanakan dan 12 KPI tidak dapat diukur pencapaiannya. Kedudukan kewangan Yayasan Taqwa pula adalah stabil.
- Pengurusan aktiviti agihan dana daripada MAIWP adalah kurang cekap kerana ketidakpatuhan kepada SOP antaranya bantuan diberikan kepada NPO yang tidak mengemukakan Laporan Program dan Perbelanjaan bantuan terdahulu dan bayaran dibuat melalui akaun pegawai Yayasan Taqwa.
- Amalan tadbir urus korporat adalah kurang memuaskan. Sebanyak lima daripada sembilan aspek tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya antaranya berkaitan penyertaan kursus/latihan oleh LPA, pelantikan KPE dan pematuan kepada SOP.

Apa yang disyorkan Audit?

- Pihak yang berkepentingan perlu memberi pertimbangan terhadap syor berikut:
 - memastikan pencapaian KPI dibentangkan kepada LPA dan dipantau oleh LPA secara berterusan;
 - memastikan pematuan kepada garis panduan/SOP supaya aktiviti agihan dana dapat dilaksanakan dengan cekap;
 - melaksanakan pemantauan yang lebih berkesan bagi memastikan NPO mematuhi Aku Janji; dan
 - menambah baik amalan tadbir urus korporat antaranya berkaitan kursus/latihan LPA dan pelantikan KPE.

JABATAN PERDANA MENTERI

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

- Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan

FAKTA UTAMA

20.11.1990	RM74 juta	RM66.75 juta
Tarikh diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125]	Dana yang diterima daripada MAIWP bagi tahun 2019 hingga 2021	Jumlah agihan dana kepada penerima bantuan bagi tahun 2019 hingga 2021
Objektif penubuhan	Menerima dan mengurus dana daripada individu dan organisasi dalam dan luar negara. Selain itu, mengguna dan mengurus dana daripada Baitulmal bagi tujuan kemajuan agama Islam dan membantu rakyat Malaysia yang miskin dan memerlukan	
Aktiviti utama	Mengagihkan dana peruntukan daripada MAIWP kepada individu dan <i>Non-Profit Organisation</i> di luar Wilayah Persekutuan berdasarkan tiga teras utama iaitu Teras Dakwah, Teras Kebajikan dan Teras Pendidikan	
Jenis syarikat	Syarikat berhad menurut jaminan	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan Berhad (YTWPB) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada 20 November 1990. YTWPB merupakan syarikat berhad menurut jaminan yang bukan berorientasikan keuntungan. Pada 12 Jun 2008, YTWPB dikenali sebagai Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan (Yayasan Taqwa) selepas pindaan perlembagaan syarikat berkaitan objektif penubuhan. Selaras dengan pindaan perlembagaan tersebut, perkataan "Berhad" telah digugurkan bagi menggambarkan fungsinya yang berbentuk kebajikan.


1.2. Yayasan Taqwa ditubuhkan sebagai sebahagian daripada usaha MAIWP memperkukuhkan institusi zakat di Wilayah Persekutuan (WP) untuk menolong dan membantu fakir, miskin, anak yatim, mangsa musibah, institusi dan sebagainya sama ada di dalam atau di luar negara.

1.3. Objektif asal penubuhan Yayasan Taqwa berdasarkan perlembagaan syarikat tahun 1990 adalah mengurus kutipan semua jenis zakat kecuali zakat fitrah di Wilayah Persekutuan bagi pihak MAIWP bertujuan kelestarian dan kesejahteraan ummah. Namun, pindaan perlembagaan syarikat telah menyebabkan fungsi zakat dibatalkan dan objektif penubuhan memfokus untuk menerima dan mengurus dana daripada individu dan organisasi dalam dan luar negara. Selain itu, Yayasan Taqwa berperanan menggunakan

dan menguruskan dana daripada Baitulmal WP bagi tujuan kemajuan agama Islam dan membantu rakyat Malaysia yang miskin dan memerlukan.

1.4. Aktiviti utama Yayasan Taqwa ialah mengagihkan dana peruntukan yang diterima daripada MAIWP kepada individu dan *Non-Profit Organisation* (NPO) di luar WP. Pengagihan di luar WP dibuat supaya tidak bertindih dengan fungsi Baitulmal WP. Pengagihan dibuat berdasarkan tiga teras utama iaitu Teras Dakwah, Teras Kebajikan dan Teras Pendidikan tanpa mengira batas bangsa dan fahaman politik demi kemaslahatan ummah. Penerima agihan dana ini terdiri daripada golongan asnaf¹ miskin, muallaf² dan fisabilillah³. Model operasi Yayasan Taqwa adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
MODEL OPERASI YAYASAN TAQWA



Sumber: Jabatan Audit Negara

1.5. Bagi tahun 2019 hingga 2021, Yayasan Taqwa telah diberikan peruntukan daripada MAIWP berjumlah RM74 juta. Sejumlah RM66.75 juta (90.2%) telah diagihkan kepada penerima yang layak. Bagi tahun 2022 pula, sejumlah RM21 juta peruntukan telah diluluskan kepada Yayasan Taqwa melalui peruntukan zakat untuk diagihkan kepada golongan asnaf miskin, muallaf dan fisabilillah. Sejumlah RM2 juta pula melalui peruntukan sumber am bagi perbelanjaan operasi Yayasan Taqwa.

1.6. Garis Panduan Syarikat Milik Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang diluluskan pada 27 Jun 2011 (Pindaan 2013) menyatakan MAIWP sebagai agensi induk mempunyai kuasa untuk melantik Pengerusi dan Lembaga Pemegang Amanah (LPA); menentukan imbuhan kakitangan; dan meluluskan perjawatan. Yayasan Taqwa

¹ Individu atau pihak yang berhak menerima zakat.


² Individu yang mempunyai kecenderungan hati untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam.

³ Individu atau pihak yang melibatkan diri dalam aktiviti mempertahankan, menegakkan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya.

mempunyai seramai enam ahli LPA termasuk Pengerusi. Komposisi LPA terdiri daripada lima Pemegang Amanah berstatus bebas dan bukan eksekutif serta seorang Pemegang Amanah berstatus bukan bebas dan bukan eksekutif. Satu jawatankuasa peringkat LPA telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran yang berperanan untuk membantu LPA dalam membuat penilaian dan pencalonan pengurusan tertinggi Yayasan Taqwa.

1.7. Pengurusan Yayasan Taqwa diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dan dibantu oleh Pengurus Kanan Operasi dan Pengurus Kanan Pentadbiran dan Kewangan serta enam Ketua Unit iaitu Unit Dakwah, Kebajikan, Pendidikan, Pentadbiran dan Sumber Manusia, Kewangan serta Teknologi Maklumat. Pengisian perjawatan adalah sebanyak 18 (66.7%) daripada 27 jawatan yang diluluskan. Struktur organisasi Yayasan Taqwa setakat bulan Mac 2022 adalah seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
STRUKTUR ORGANISASI YAYASAN TAQWA SETAKAT BULAN MAC 2022



Sumber: Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Yayasan Taqwa

1.8. Fungsi unit yang menjalankan tiga teras utama Yayasan Taqwa iaitu Unit Dakwah, Kebajikan dan Pendidikan antaranya adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
ANTARA FUNGSI UNIT DAKWAH, KEBAJIKAN DAN PENDIDIKAN

UNIT	FUNGSI
Dakwah	i. Merancang hal ehwal dakwah. ii. Menyediakan bantuan bagi penganjuran aktiviti dakwah. iii. Menganjurkan aktiviti dakwah kepada masyarakat Orang Asli. iv. Mengambil bahagian dalam program kebesaran Islam.
Kebajikan	i. Menyediakan bantuan kecemasan/musibah dengan kadar segera. ii. Menyusun atur dan menyelaraskan aktiviti/program tahunan berjalan lancar, teratur dan sistematik seperti yang dirancang. iii. Menyediakan bantuan peralatan kepada pesakit hospital, bantuan kepada rumah orang tua, Orang Kelainan Upaya, ibu tunggal, anak yatim, masjid dan surau. iv. Menyediakan bantuan kepada muallaf dan asnaf.
Pendidikan	i. Menyediakan anggaran perbelanjaan sub unit agihan pada tahap optimum supaya menepati kehendak hukum syarak serta hala tuju Yayasan Taqwa dan MAIWP. ii. Memastikan bantuan pendidikan mencapai objektif sebenar yang digariskan oleh syarak. iii. Menyediakan bantuan peralatan sekolah seperti pakaian, beg, kasut dan sumbangan tunai. iv. Menyediakan bantuan penganjuran aktiviti daripada institusi pendidikan.

Sumber: Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Yayasan Taqwa

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilaksanakan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan Yayasan Taqwa melalui pengurusan aktiviti agihan dana yang diterima daripada MAIWP dengan cekap dan teratur; amalan tadbir urus korporat yang baik; dan kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini melibatkan aktiviti utama Yayasan Taqwa iaitu agihan dana daripada MAIWP kepada penerima yang layak berdasarkan Garis Panduan Permohonan Bantuan Aktiviti Dakwah dan Kebajikan yang dikeluarkan oleh MAIWP bagi tahun 2019 hingga bulan Mac 2022. Dua bidang utama Audit yang dinilai ialah prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti. Perkara yang dinilai dalam prestasi aktiviti ialah pencapaian KPI Keberhasilan Utama. Bagi pengurusan aktiviti, tiga perkara yang dinilai ialah terimaan dan agihan dana; pemilihan penerima dana meliputi pendaftaran NPO serta penyediaan Laporan Program dan Perbelanjaan; dan penyaluran agihan dana merangkumi agihan melalui pegawai Yayasan Taqwa, individu dan pegawai kerajaan/agensi kerajaan serta LPA.

3.2. Pengauditan dijalankan di pejabat Yayasan Taqwa yang terletak di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Sebanyak 133 (8.6%) sampel daripada 1,539 transaksi bayaran bagi tempoh tahun 2019 hingga 31 Mac 2022 dipilih untuk menentukan agihan dana kepada penerima telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan. Pemilihan sampel penerima difokuskan kepada penerima Teras Kebajikan kerana merupakan jumlah agihan tertinggi. Sampel ini merangkumi penerima individu, penerima NPO yang berulang, penerima yang belum mengemukakan Laporan Program dan Perbelanjaan serta penerima yang merupakan pegawai Yayasan Taqwa (nama pegawai tertera pada baucar bayaran).

3.3. Selain itu, pengauditan melibatkan sembilan aspek tadbir urus korporat iaitu Pengerusi, LPA, KPE, Setiausaha Syarikat, Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Prosedur Operasi Standard (SOP), Jawatankuasa Audit, Audit Dalam serta Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan. Analisis kedudukan kewangan turut dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit tahun 2019, 2020 dan 2021.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan Yayasan Taqwa serta menganalisis data berkaitan. Perbincangan dan

temu bual dengan pegawai terlibat juga dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan Yayasan Taqwa yang telah diaudit oleh Tetuan Azhan & Co. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; serta analisis aliran tunai.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan April dan Mei 2022. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada Yayasan Taqwa telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 22 Jun 2022. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

5.1. Prestasi Aktiviti Pengurusan Dana

5.1.1. Pencapaian KPI Keberhasilan Utama

- a. Yayasan Taqwa telah menetapkan KPI Keberhasilan Utama bagi mengukur prestasi aktiviti pengurusan dana. Namun, pengukuran khusus untuk menilai keberhasilan aktiviti agihan dana tidak ditetapkan oleh Yayasan Taqwa. Penetapan KPI Keberhasilan Utama dibuat berdasarkan cadangan peruntukan perbelanjaan tahunan. KPI tersebut disediakan bagi mengukur pencapaian tiga teras utama yang dilaksanakan oleh Unit Dakwah, Kebajikan dan Pendidikan. Secara keseluruhannya, 47 KPI Keberhasilan Utama ditetapkan bagi tahun 2019 hingga 2021. Analisis Audit mendapati 13 (27.7%) KPI telah dicapai manakala sembilan (19.1%) tidak dicapai. Selain itu, 13 (27.7%) KPI tidak dilaksanakan dan 12 (25.5%) KPI tidak dapat diukur pencapaiannya. Ringkasan pencapaian KPI adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
SASARAN DAN PENCAPAIAN KPI KEBERHASILAN UTAMA
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

UNIT/TERAS	KPI (Bilangan)				
	SASARAN PROGRAM	LAKSANA			TIDAK LAKSANA
		CAPAI	TIDAK CAPAI	TIDAK DAPAT DIUKUR	
Dakwah	25	9	3	7	6
Kebajikan	8	2	3	2	1
Pendidikan	14	2	3	3	6
JUMLAH	47	13	9	12	13

Sumber: Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Yayasan Taqwa

- b. Menurut Yayasan Taqwa, KPI yang tidak dicapai dan tidak dilaksanakan disebabkan berlakunya perubahan tarikh program, pindah peruntukan untuk aktiviti lain dan mengutamakan bantuan kepada mereka yang terjejas akibat pandemik Covid-19. Analisis Audit selanjutnya terhadap KPI yang dilaksanakan mendapati sebanyak 12 KPI tidak dapat diukur disebabkan tiada penetapan sasaran bilangan peserta, jumlah sumbangan dan jumlah bahan cetakan. Butiran lanjut KPI yang tidak dicapai dan tidak dapat diukur adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Jadual 4**.

JADUAL 3
SASARAN DAN PENCAPAIAN KPI KEBERHASILAN UTAMA
YANG TIDAK DICAPAI BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

UNIT	KPI KEBERHASILAN UTAMA	SASARAN	PENCAPAIAN	CAPAI (%)
TAHUN 2019				
DAKWAH	Peserta yang hadir dapat memahami ilmu agama dan isu semasa dengan jelas, serta dapat menjawab persoalan yang diragui.	80% daripada 3,000 orang peserta yang hadir	400	16.7
	Penyertaan daripada masyarakat Orang Asli dan masyarakat pedalaman	60% daripada 1,200 orang penyertaan	600	83.3
PENDIDIKAN	Pelajar sekolah rendah di seluruh negara terutamanya daripada keluarga yang kurang berkemampuan.	28,000 pelajar	14,000	50
TAHUN 2020				
DAKWAH	Penyertaan daripada masyarakat setempat.	60% daripada 800 orang	400	83.3
KEBAJIKAN	Permohonan mendapat bantuan untuk menjalani rawatan dan mendapatkan alat sokongan/peralatan perubatan serta barangan makanan asas bagi asnaf yang terpilih.	80% daripada 250 permohonan	10	5
	Pusat tahfiz setiap negeri (kecuali WP dan Selangor) mendapat dana bagi memula dan mengembangkan hasil pendapatan daripada penternakan dan pertanian.	12 pusat tahfiz	1	8.3
PENDIDIKAN	Pelajar sekolah rendah di seluruh negara terutamanya daripada keluarga yang kurang berkemampuan.	14,000 pelajar	9,800	70
TAHUN 2021				
KEBAJIKAN	Permohonan mendapat bantuan untuk menjalani/meneruskan rawatan dan bantuan mendapatkan peralatan perubatan serta barangan makanan asas bagi asnaf terpilih.	80% daripada 250 permohonan	56	28
PENDIDIKAN	Membantu pelajar sekolah rendah di seluruh negara terutamanya daripada keluarga yang kurang berkemampuan.	14,000 pelajar	9,800	70

Sumber: Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Yayasan Taqwa

JADUAL 4
SASARAN DAN PENCAPAIAN KPI KEBERHASILAN UTAMA
YANG TIDAK DAPAT DIUKUR BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

UNIT	KPI KEBERHASILAN UTAMA	SASARAN	PENCAPAIAN	PENEMUAN AUDIT
TAHUN 2019				
DAKWAH	- Masyarakat setempat melibatkan diri dengan program kemasyarakatan. - Keluarga asnaf dapat dibantu melalui sumbangan barangan harian.	60% masyarakat setempat 80% keluarga asnaf	400 peserta	Tiada sasaran bilangan peserta
	Peserta memahami dan menghayati sepenuhnya input program yang dilaksanakan.	50% peserta	400 peserta	Tiada sasaran bilangan peserta
	Sumbangan dapat diagihkan kepada agensi yang melaksanakan program dakwah mengikut permohonan, keperluan dan kelayakan seluruh Malaysia.	80% daripada jumlah sumbangan	323 agensi kerajaan, institusi dan <i>Non-Government Organisation</i> (NGO) menerima sumbangan atas dasar dakwah	Tiada sasaran jumlah sumbangan
KEBAJIKAN	Sumbangan dapat diagihkan kepada agensi yang melaksanakan program kebajikan mengikut permohonan, keperluan dan kelayakan ke seluruh Malaysia.	80% daripada jumlah sumbangan	719 penerima	Tiada sasaran jumlah sumbangan
	Sumbangan diagihkan kepada penerima yang memerlukan bantuan untuk menjalani rawatan dan membantu mendapatkan alat perubatan.	80% daripada jumlah sumbangan	103 penerima	Tiada sasaran jumlah sumbangan
PENDIDIKAN	Sumbangan dapat diagihkan kepada institusi yang melaksanakan program pendidikan dan individu yang melanjutkan pelajaran mengikut permohonan, keperluan dan kelayakan ke seluruh Malaysia.	80% daripada jumlah sumbangan	204 institusi dan 70 pelajar	Tiada sasaran jumlah sumbangan
TAHUN 2020				
DAKWAH	Peserta memahami dan menghayati sepenuhnya input program yang dilaksanakan.	50% peserta	300 peserta	Tiada sasaran bilangan peserta
	Sumbangan dapat diagihkan kepada agensi yang melaksanakan program dakwah mengikut permintaan, keperluan dan kelayakan seluruh Malaysia.	80% daripada jumlah sumbangan	194 agensi kerajaan, institusi dan NGO menerima sumbangan atas dasar dakwah	Tiada sasaran jumlah sumbangan
PENDIDIKAN	Sumbangan dapat diagihkan kepada institusi yang melaksanakan program pendidikan dan individu yang melanjutkan pelajaran mengikut permohonan, keperluan dan kelayakan ke seluruh Malaysia.	80% daripada jumlah sumbangan	Tiada maklumat	Tiada sasaran jumlah sumbangan dan pencapaian
TAHUN 2021				
DAKWAH	Sumbangan dapat diagihkan kepada agensi yang melaksanakan program dakwah mengikut permohonan, keperluan dan kelayakan ke seluruh Malaysia.	80% daripada jumlah sumbangan	252 agensi kerajaan, institusi, NGO dan individu telah menerima sumbangan	Tiada sasaran jumlah sumbangan
	Bahan cetakan dapat diedarkan ke seluruh negara melalui program atau agensi yang terpilih.	80% bahan cetakan	Sembilan agensi memohon sumbangan percetakan al-Quran, buku dan bahan ilmiah	Tiada sasaran jumlah bahan cetakan

UNIT	KPI KEBERHASILAN UTAMA	SASARAN	PENCAPAIAN	PENEMUAN AUDIT
PENDIDIKAN	Sumbangan dapat diagihkan kepada institusi yang melaksanakan program pendidikan dan individu yang melanjutkan pelajaran mengikut permohonan, keperluan dan kelayakan ke seluruh Malaysia.	80% daripada jumlah sumbangan	Tiada maklumat	Tiada sasaran jumlah sumbangan dan pencapaian

Sumber: Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Yayasan Taqwa

- c. Green Book Bahagian 1, perenggan 3.2. menyatakan sasaran dan pencapaian KPI diluluskan dan dipantau oleh Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2019 hingga 2021, **Yayasan Taqwa telah mengemukakan Laporan Penetapan KPI kepada MAIWP namun laporan tersebut tidak diperakukan oleh LPA.** Keadaan ini berlaku disebabkan Garis Panduan Syarikat Milik MAIWP (Pindaan 2013) yang diguna pakai oleh Yayasan Taqwa tidak menyatakan keperluan untuk membentangkan KPI kepada LPA untuk kelulusan sebelum dikemuka kepada MAIWP.

Maklum balas Yayasan Taqwa yang diterima pada 15 Julai 2022

Mesyuarat Khas LPA pada 7 Julai 2022 telah meluluskan KPI 2022 dengan menetapkan sasaran KPI yang boleh diukur. Mesyuarat juga telah mengambil maklum pencapaian KPI bagi bulan Januari hingga Jun 2022.

Pendapat Audit | **Pencapaian KPI Keberhasilan Utama adalah kurang cekap. Bagaimanapun, tindakan penambahbaikan KPI yang boleh diukur dapat memberikan gambaran sebenar pencapaian keseluruhan KPI. Pandangan dan ulasan LPA berkaitan pencapaian KPI penting bagi menambah baik sasaran dan pelaksanaan KPI yang ditetapkan dengan lebih berkesan bagi memenuhi objektif penubuhan syarikat.**

5.2. Pengurusan Aktiviti Agihan Dana

5.2.1 Terimaan dan Agihan Dana

- a. Yayasan Taqwa menerima peruntukan daripada MAIWP seterusnya mengagihkan dana kepada individu dan NPO di luar WP. Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, peruntukan yang diterima berjumlah RM74 juta dan sejumlah RM66.75 juta (90.2%) dana telah diagihkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PECAHAN PERUNTUKAN DAN AGIHAN BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

PERKARA	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	%
PERUNTUKAN	20.00	30.00	24.00	74.00	
TERAS					
Kebajikan	5.98	12.00	14.45	32.43	48.6
Dakwah	7.09	5.84	7.12	20.05	30.0
Pendidikan	5.78	4.10	4.39	14.27	21.4
JUMLAH AGIHAN DANA	18.85	21.94	25.96	66.75	100
AGIHAN BERBANDING PERUNTUKAN (%)	94.3	73.1	108.2	90.2	

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021


- b. Bagi tahun 2019 hingga 2021, agihan dana bagi Teras Kebajikan adalah yang tertinggi iaitu RM32.43 juta (48.6%) berbanding Teras Dakwah RM20.05 juta (30%) dan Teras Pendidikan RM14.27 juta (21.4%). Pada tahun 2020, Teras Dakwah dan Pendidikan menunjukkan pengurangan agihan kerana sumbangan ditumpukan kepada Teras Kebajikan bagi membantu mereka yang terkesan akibat situasi pandemik Covid-19 dan banjir.
- c. Analisis Audit mendapati pada tahun 2020, Yayasan Taqwa menerima peruntukan lebih tinggi berbanding tahun 2019 dan 2021. Sumbangan kepada aktiviti pada tahun 2020 lebih rendah iaitu sebanyak 73.1% berbanding 94.3% dan 108.2% pada tahun 2019 dan 2021. Keadaan ini berlaku disebabkan dana tidak dapat diagihkan sepenuhnya akibat Perintah Kawalan Pergerakan ekoran pandemik Covid-19 seterusnya menyumbang kepada lebih bersih sebelum cukai berjumlah RM6.13 juta pada tahun 2020. Setakat tahun 2021, Yayasan Taqwa mencatat dana terkumpul berjumlah RM3.71 juta.
- d. Analisis Audit mendapati jumlah aset melebihi jumlah liabiliti bagi tiga tahun berturut-turut iaitu pada kadar antara 133.2% hingga 266.4%. Keadaan ini menunjukkan syarikat mempunyai sumber yang mencukupi untuk menampung obligasinya. Baki tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun 2021 berjumlah RM5.41 juta berbanding RM12.85 juta pada tahun 2020. Pada tahun 2021, jumlah sumbangan dan perbelanjaan melebihi jumlah hasil kendalian dan keadaan ini memberi kesan kepada baki tunai pada tahun tersebut. Dana terkumpul dan baki tunai yang positif serta jumlah aset melebihi liabiliti pada tahun 2021 menyumbang kepada kestabilan kedudukan kewangan Yayasan Taqwa. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6, Carta 3 dan Carta 4.**

JADUAL 6
KEDUDUKAN KEWANGAN YAYASAN TAQWA
BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021


PERKARA	TAHUN 2019 (RM Juta)	TAHUN 2020 (RM Juta)	TAHUN 2021 (RM Juta)
Hasil Kendalian	20.00	30.00	24.00
Sumbangan	(18.85)	(21.94)	(25.96)
KEUNTUNGAN KASAR	1.15	8.06	(1.96)
Pendapatan lain	0.05	0.02	0.03
Lain-lain perbelanjaan	(2.09)	(1.95)	(1.93)
(KURANGAN)/LEBIHAN BERSIH SEBELUM CUKAI	(0.89)	6.13	(3.86)
Cukai	-	-	-
(KURANGAN)/LEBIHAN BERSIH SELEPAS CUKAI	(0.89)	6.13	(3.86)
DANA TERKUMPUL	1.44	7.57	3.71
JUMLAH ASET	5.78	13.23	5.94
JUMLAH LIABILITI	4.34	5.66	2.23
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	5.22	12.85	5.41

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021

CARTA 3
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021



CARTA 4
TREND LEBIHAN/KURANGAN BERSIH
DAN DANA TERKUMPUL
BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021

Pendapat Audit | Secara keseluruhannya, agihan dana adalah cekap dengan pencapaian melebihi 90% dan kedudukan kewangan Yayasan Taqwa adalah stabil.

5.2.2. Pemilihan Penerima Dana

a. Pendaftaran *Non-Profit Organisation*

- i. Subseksyen 211(1) Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] menetapkan perniagaan dan hal ehwal sesuatu syarikat hendaklah diuruskan oleh, atau di bawah arahan Lembaga Pengarah. Yayasan Taqwa mengguna pakai Garis Panduan Permohonan Bantuan Aktiviti Dakwah dan Kebajikan MAIWP (GP MAIWP) bagi melaksanakan aktiviti agihan dana. Semakan Audit mendapati Yayasan Taqwa juga telah mewujudkan Prosedur Operasi Piawai Jawatankuasa Bantuan. Selain itu, satu Garis Panduan Permohonan Bantuan Aktiviti/Program Pendidikan, Dakwah dan Kebajikan baru diwujudkan pada bulan April 2022. **Namun, semakan Audit terhadap minit mesyuarat LPA pada bulan April dan Mei 2022 mendapati perkara berkenaan garis panduan baharu tersebut tidak dibincangkan.**
- ii. Perkara 2 (A)(i) GP MAIWP menetapkan NPO yang memohon dana perlu berdaftar di bawah pihak pengawal selia. Pihak pengawal selia antaranya Yayasan Amanah yang diperbadankan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [*Akta 258*]; pertubuhan iaitu entiti yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*]; agensi kerajaan; dan mana-mana akta yang masih berkuat kuasa dan diiktiraf oleh agensi kerajaan. Semakan Audit terhadap 110 sampel bayaran bagi tempoh tahun 2019 hingga 31 Mac 2022 mendapati bayaran telah dibuat kepada NPO yang berdaftar.

Maklum balas Yayasan Taqwa yang diterima pada 15 Julai 2022

Mesyuarat Khas LPA pada 7 Julai 2022 telah meluluskan Garis Panduan Permohonan Bantuan Aktiviti/Program Pendidikan, Dakwah dan Kebajikan.

Pendapat Audit | **LPA bertanggungjawab memastikan garis panduan yang diluluskan dipatuhi.**

b. Penyediaan Laporan Program dan Perbelanjaan

- i. Prosedur Operasi Piawai Jawatankuasa Bantuan menetapkan Laporan Program perlu disediakan oleh penerima bagi bantuan melebihi RM5,000. Laporan tersebut perlu dikemukakan oleh penerima bantuan 30 hari selepas program dilaksanakan. Perkara 4 (ii)(d) GP MAIWP pula menetapkan Laporan

Program dan Perbelanjaan terdahulu perlu dikemukakan oleh NPO. Kegagalan untuk mengemukakan laporan akan menyebabkan permohonan seterusnya tidak dipertimbangkan.

- ii. Perkara 5 (i) dan (ii) GP MAIWP menetapkan dokumen Aku Janji dikemukakan kepada NPO selepas permohonan diluluskan. Pihak NPO hendaklah mengembalikan dokumen Aku Janji bagi membolehkan peruntukan disalurkan. Dokumen Aku Janji menetapkan NPO yang menerima bantuan bersetuju untuk mematuhi perkara antaranya seperti berikut:
 - menggunakan peruntukan Yayasan Taqwa mengikut program/aktiviti yang diluluskan sahaja; dan
 - mengemukakan laporan pelaksanaan dan perbelanjaan program/aktiviti dalam tempoh 30 hari dari tarikh program atau aktiviti dilaksanakan. Sekiranya gagal mengemukakan laporan tersebut, permohonan baharu tidak akan diproses.
- iii. Semakan Audit terhadap **110 sampel bayaran bagi tempoh tahun 2019 hingga 31 Mac 2022 mendapati 23 bayaran (17 NPO) berjumlah RM1.48 juta tidak mengemukakan Laporan Program dan Perbelanjaan kepada Yayasan Taqwa. Semakan Audit selanjutnya mendapati tujuh (41.2%) daripada 17 NPO tersebut juga telah menerima bantuan baharu berjumlah RM150,000 walaupun NPO gagal mengemukakan laporan terdahulu.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
NPO YANG TIDAK MENGEMUKAKAN LAPORAN PROGRAM DAN PERBELANJAAN

BIL.	NON-PROFIT ORGANISATION	NO. BAUCAR BAYARAN	TARIKH BAYARAN	JUMLAH BANTUAN (RM)	CATATAN
1.	NPO A	39425/19/00299	06.03.2019	10,000	-
2.	NPO B	39425/19/00348	14.03.2019	10,000	
3.	NPO C	10358/19/0250	27.03.2019	14,200	
4.		39425/21/00155	15.02.2021	10,000	Terima bantuan baharu
5.	NPO D	10358/19/0266	03.04.2019	650,000	-
6.	NPO E	10358/19/0435	10.05.2019	140,000	
7.		10358/19/0725	31.07.2019	50,000	Terima bantuan baharu
8.	NPO F	39425/19/00661	14.05.2019	8,000	-
9.		39425/19/1134	12.11.2019	10,000	Terima bantuan baharu

BIL.	NON-PROFIT ORGANISATION	NO. BAUCAR BAYARAN	TARIKH BAYARAN	JUMLAH BANTUAN (RM)	CATATAN
10.	NPO G	39425/19/00779	29.05.2019	10,000	-
11.		10358/19/1026	22.10.2019	40,000	Terima bantuan baharu
12.	NPO H	39425/19/01202	14.11.2019	10,000	-
13.	NPO I	10358/20/0345	01.04.2020	200,000	-
14.	NPO J	10358/20/0957	16.10.2020	100,000	-
15.	NPO K	10358/20/1144	14.12.2020	120,000	-
16.	NPO L	39425/21/00626	06.05.2021	10,000	-
17.		39425/21/01195	17.11.2021	10,000	Terima bantuan baharu
18.	NPO M	39425/21/00544	26.04.2021	10,000	-
19.		39425/21/00972	14.09.2021	10,000	Terima bantuan baharu
20.	NPO N	10358/21/1081	11.12.2021	20,000	Terima bantuan baharu
21.	NPO O	39425/21/01363	22.12.2021	10,000	-
22.	NPO P	39425/21/01388	30.12.2021	10,000	-
23.	NPO Q	39425/22/00074	14.01.2022	20,000	-
JUMLAH				1,482,200	

Sumber: Baucar Bayaran Yayasan Taqwa

- iv. Menurut Yayasan Taqwa, pihaknya telah mengambil tindakan dengan menghubungi NPO terlibat melalui panggilan telefon dan e-mel dari semasa ke semasa. Tindakan ini dilaksanakan bagi memastikan Laporan Program dan Perbelanjaan dikemukakan oleh NPO.

Maklum balas Yayasan Taqwa yang diterima pada 24 Jun dan 15 Julai 2022

Yayasan Taqwa akan mengeluarkan surat peringatan kepada pemohon. Garis Panduan Pelaksanaan dan Pelaporan Aktiviti Pendidikan, Dakwah dan Kebajikan telah diluluskan dalam Mesyuarat Khas LPA pada 7 Julai 2022. Bantuan disalurkan kepada NPO yang sama walaupun Laporan Program dan Perbelanjaan terdahulu tidak dikemukakan atas justifikasi antaranya membantu mangsa yang terkesan akibat pandemik Covid-19, Program Ihya' Ramadhan dan bencana kebakaran.

Pendapat Audit | **Pengurusan pelaporan program adalah kurang cekap. Ketidakpatuhan kepada SOP dan garis panduan berkaitan Laporan Program dan Perbelanjaan menyebabkan agihan dana masih disalurkan kepada NPO yang gagal mengemukakan laporan.**

5.2.3. Penyaluran Agihan Dana

a. Agihan melalui Pegawai Yayasan Taqwa

- i. Perkara 97 Tatacara Kewangan Yayasan Taqwa menetapkan apabila pembayaran dibuat, nama pegawai Yayasan Taqwa tidak boleh dicatatkan sebagai penerima di atas baucar melainkan berkenaan dengan gaji atau lain-lain tuntutannya sendiri.
- ii. Analisis Audit terhadap baucar bayaran bagi Unit Dakwah, Kebajikan dan Pendidikan bagi tahun 2019 hingga bulan Mac 2022 mendapati **60 bayaran berjumlah RM1.08 juta telah dibuat atas nama pegawai Yayasan Taqwa**. Analisis lanjut mendapati 23 (38.3%) daripada 60 bayaran berjumlah RM384,952 melibatkan Unit Kebajikan. Berdasarkan maklumat program, dana telah diagihkan bagi aktiviti yang dibenarkan selaras dengan dasar yang ditetapkan oleh MAIWP.
- iii. Semakan Audit terhadap 12 daripada 23 baucar tersebut mendapati lima (41.7%) bayaran berjumlah RM150,002 adalah bagi program yang dilaksanakan oleh empat agensi kerajaan iaitu Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI); Jabatan Perdana Menteri (JPM); Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR); MAIWP dan Kelab Anglers MAIWP. Semakan Audit selanjutnya mendapati kesemua empat agensi ini ada membuat akuan terimaan dana. Akuan terimaan dana berbentuk tunai telah dibuat oleh pegawai agensi terlibat.
- iv. Semakan Audit seterusnya mendapati JAWI, MAIWP dan Kelab Anglers MAIWP telah mengemukakan Laporan Program dan Perbelanjaan **kecuali pihak JPM**. Selain itu, **Laporan Program dan Perbelanjaan oleh Kelab Anglers MAIWP tidak mempunyai maklumat perbelanjaan lengkap**.
- v. Semakan Audit selanjutnya mendapati tujuh daripada 12 baucar berjumlah RM100,000 melibatkan program anjuran syarikat. Pihak Audit mendapati akuan terimaan oleh penerima program ada disertakan bagi mengesahkan sumbangan telah diserahkan kepada penerima yang layak seperti individu dan institusi pendidikan. Permohonan sumbangan juga telah diluluskan oleh LPA.

Maklum balas Yayasan Taqwa yang diterima pada 24 Jun dan 15 Julai 2022

Pembayaran telah dibuat atas nama pegawai Yayasan Taqwa atas justifikasi permohonan bagi tujuan sumbangan musibah dan Covid-19. Mesyuarat Khas LPA pada 7 Julai 2022 telah memperakukan agihan tunai melalui pegawai Yayasan Taqwa dan LPA juga memutuskan tiada lagi agihan tunai selepas ini.

b. Agihan melalui Individu dan Pegawai Kerajaan/Agensi Kerajaan

- i. Perkara 82 Tatacara Kewangan Yayasan Taqwa menetapkan dalam sesuatu hal yang terkecuali jika ternyata bagi faedah masalah ammah (kepentingan umum) bahawa perbelanjaan patut dilakukan dengan segera dan masa tidak mengizinkan bagi mendapat kebenaran mengikut cara biasa, KPE boleh melakukan perbelanjaan dan hendaklah melaporkan secepat mungkin kepada LPA.
- ii. Analisis Audit terhadap senarai bayaran bagi tahun 2019 hingga 2021 mendapati 17 bayaran berjumlah RM442,200 telah dibuat kepada individu dan pegawai kerajaan/agensi kerajaan. Semakan Audit terhadap **11 (64.7%) baucar bayaran mendapati tiga (27.3%) baucar tidak disertakan Laporan Program dan Perbelanjaan. Selain itu, tujuh (63.6%) baucar bayaran telah disertakan Laporan Program dan Perbelanjaan namun, tiada tandatangan oleh penerima dana.** Semakan selanjutnya mendapati permohonan bantuan telah mendapat kelulusan LPA seperti yang ditetapkan dalam tatacara kewangan. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
BAUCAR BAYARAN ATAS NAMA INDIVIDU
DAN PEGAWAI KERAJAAN/AGENSI KERAJAAN

BIL.	INDIVIDU/ PEGAWAI KERAJAAN/ AGENSI KERAJAAN	BAUCAR BAYARAN			PEMOHON/ PELAKSANA PROGRAM	KEMUKA LAPORAN PROGRAM DAN PERBELANJAAN (Ya/Tidak)
		NOMBOR	TARIKH	RM		
1.	Pegawai A, JAWI	39425/21/00040	14.01.2021	20,000	JAWI	Tidak
2.	Pegawai B, JAKIM	39425/21/00950	01.09.2021	2,200	JAKIM	Tidak
3.		39425/21/00951	03.09.2021	5,000		Tidak
4.	Individu A, JPM	JV47-50/12	31.12.2020	85,000	JPM	Ya*
5.		39425/21/00037	14.01.2021	20,000		Ya*
6.		39425/21/00038	14.01.2021	20,000		Ya*
7.		39425/21/00039	14.01.2021	20,000		Ya*
8.		10358/21/0203	19.02.2021	40,000		Ya*
9.		10358/21/0285	16.03.2021	50,000		Ya*
10.		10358/21/0295	26.03.2021	100,000		Ya*
11.		Pegawai C, JPM	39425/21/01099	22.10.2021		5,000
JUMLAH				367,200		

Sumber: Baucar Bayaran Yayasan Taqwa

Nota: (*) - Tiada Tandatangan Penerima Dana pada Laporan Program dan Perbelanjaan

Maklum balas Yayasan Taqwa yang diterima pada 22 dan 24 Jun serta 15 Julai 2022

Yayasan Taqwa tidak mempunyai kaedah pembayaran kepada individu dan pegawai kerajaan/agensi kerajaan. Pembayaran atas nama pegawai kerajaan pula adalah seperti arahan Menteri di JPM (Agama) pada ketika itu secara lisan kepada KPE Yayasan Taqwa.

Mesyuarat Khas LPA pada 7 Julai 2022 telah memperakukan agihan tunai melalui individu serta pegawai kerajaan/agensi kerajaan dan LPA juga memutuskan tiada lagi agihan tunai selepas ini.

c. Agihan melalui Lembaga Pemegang Amanah

- i. Mesyuarat LPA pada 25 November 2019 telah meluluskan peruntukan secara bulanan kepada Pengerusi sejumlah RM5,000 dan ahli LPA RM1,000 untuk diagihkan kepada asnaf. Seterusnya berikutan pandemik Covid-19, Mesyuarat LPA pada 23 November 2020 telah meluluskan peruntukan tambahan berjumlah RM45,000 sebulan iaitu Pengerusi RM10,000 dan RM35,000 bagi tujuh ahli LPA (RM5,000 setiap ahli LPA).

- ii. Inisiatif ini merupakan cadangan daripada Unit Kebajikan Yayasan Taqwa bertujuan untuk melibatkan peringkat atasan dalam aktiviti agihan supaya dapat melihat keadaan asnaf yang bakal disantuni. LPA dalam mesyuarat yang sama juga memutuskan supaya laporan agihan perlu dikemukakan kepada Unit Kebajikan Yayasan Taqwa bagi tujuan penggantian peruntukan tersebut.
- iii. Mesyuarat LPA pada 25 November 2019 turut memaklumkan cadangan daripada Unit Kebajikan Yayasan Taqwa untuk menetapkan syarat supaya borang akuan penerimaan perlu diisi oleh setiap penerima. Namun, tiada persetujuan terhadap syarat ini diputuskan oleh LPA.
- iv. Analisis Audit terhadap lejar am Pendahuluan Diri LPA mendapati dana berjumlah RM448,000 (92.8%) daripada RM483,000 peruntukan yang diterima oleh LPA bagi tahun 2020 hingga bulan Mac 2022 telah diagihkan kepada penerima bantuan.
- v. Semakan Audit terhadap 22 sampel bagi tempoh tahun 2019 hingga 31 Mac 2022 berjumlah RM103,000 mendapati laporan agihan dana ada disediakan bagi tujuan mengesahkan agihan dana oleh LPA. Laporan tersebut mengandungi perincian nama penerima, nombor telefon, nombor kad pengenalan, alamat, jumlah agihan dan tujuan agihan. **Namun, tiada bukti akuan terimaan dana oleh penerima terlibat.**

Maklum balas Yayasan Taqwa yang diterima pada 24 Jun dan 15 Julai 2022

LPA berpendapat tiada keperluan akuan terimaan oleh penerima bantuan disediakan supaya bantuan segera dapat disalurkan kepada mereka. Bagaimanapun, Yayasan Taqwa akan menambah baik perkara berkaitan keperluan bukti akuan terimaan.

Mesyuarat Khas LPA pada 7 Julai 2022 telah bersetuju agihan kepada LPA ditangguhkan sehingga selesai bengkel penambahbaikan yang akan diadakan pada bulan Ogos bersama MAIWP bagi tujuan penambahbaikan Tatacara Kewangan dan menambah baik garis panduan/SOP sedia ada.

Pendapat Audit	Penyaluran dana melalui akaun pegawai Yayasan Taqwa adalah tidak teratur kerana risiko dana tidak diagihkan kepada golongan sasaran. Akuan terimaan penting sebagai bukti yang mengesahkan dana telah diterima oleh penerima bantuan terlibat.
-----------------------	---

5.3. Tadbir Urus Korporat

5.3.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai syarikat berhad menurut jaminan yang ditubuhkan oleh MAIWP, pengurusan Yayasan Taqwa perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan menurut Akta Syarikat 2016 [Akta 777], perlembagaan syarikat dan Garis Panduan Syarikat Milik MAIWP. Selain itu, rujukan boleh dibuat terhadap amalan terbaik daripada Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) 2021, The Green Book - Enhancing Board Effectiveness (Green Book) April 2006, Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 (MKD Handbook) dan panduan tadbir urus daripada Chartered Institute of Internal Auditors.

5.3.2. Semakan Audit mendapati empat daripada sembilan aspek tadbir urus korporat iaitu aspek Pengerusi, Setiausaha Syarikat, Jawatankuasa Audit serta Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan telah diamalkan sepenuhnya. Lima aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan sepenuhnya adalah LPA, KPE, SOP, Pelan Strategik dan Audit Dalam. Penemuan berkaitan aspek SOP dijelaskan dalam **Perenggan 5.2.2.** dan **Perenggan 5.2.3.** Ringkasan penemuan Audit adalah seperti dalam **Jadual 9.**

JADUAL 9
PENEMUAN AUDIT BERKAITAN AMALAN TADBIR URUS KORPORAT

ASPEK	AMALAN TERBAIK	PENEMUAN AUDIT
Lembaga Pemegang Amanah	MCCG 2021 amalan 2.1 dan panduan G2.1: Lembaga Pengarah hendaklah mempunyai Piagam Lembaga Pengarah yang jelas menyatakan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah, ahli Lembaga Pengarah secara individu dan pengurusan syarikat serta isu dan keputusan yang tertakluk kepada Lembaga Pengarah.	• Terma dan rujukan tanggungjawab LPA; mesyuarat LPA; serta polisi imbuan LPA ada disediakan. • Perkara berkaitan terma dan rujukan tanggungjawab LPA serta mesyuarat LPA tidak dibentangkan untuk kelulusan LPA.
	Green Book perenggan 1.4.4: Lembaga Pengarah hendaklah memastikan ahlinya mempunyai akses kepada program pembelajaran yang berterusan bagi memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan yang dinamik dan kompleks serta mengekalkan penyertaan yang aktif semasa mesyuarat.	Berdasarkan bilangan LPA yang tamat tempoh lantikan dan masih aktif bagi tahun 2019 hingga 2021, hanya tiga daripada 18 LPA menghadiri kursus bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.
Ketua Pegawai Eksekutif	Perenggan 22 Jadual Ketiga Akta Syarikat 2016 [Akta 777]: Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa boleh melantik seorang Pengarah Urusan bagi suatu tempoh dan menentukan terma pelantikan serta boleh membatalkan pelantikan tersebut.	Jawatan KPE tidak diisi sejak 1 Mac 2020 dan Pengurus Kanan Operasi telah dilantik sebagai Pemangku KPE.

ASPEK	AMALAN TERBAIK	PENEMUAN AUDIT
Pelan Strategik	MCCG 2021, amalan 1.1, panduan G1.1 Rancangan Korporat/Pelan Strategik disediakan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.	Pelan Strategik bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020, 2017 hingga 2021 dan 2022 hingga 2025 yang disediakan dan dilaksanakan tidak dibentangkan untuk kelulusan LPA.
Audit Dalam	MCCG 2021, amalan 11.1: JKA hendaklah memastikan Audit Dalam berfungsi secara bebas. MCCG 2021, panduan G11.1: Audit Dalam hendaklah melaksanakan pengauditan bagi menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus serta menyarankan penambahbaikan yang dapat membantu nilai tambah aktiviti syarikat.	- Fungsi Audit Dalam telah dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam (UAD) MAIWP. - Bagi tempoh tahun 2019 hingga 31 Mac 2022, hanya satu pengauditan telah dilaksanakan iaitu Pengauditan Interim di Yayasan Taqwa bagi tahun 2019.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum balas Yayasan Taqwa yang diterima pada 16 Jun dan 15 Julai 2022

i. Lembaga Pengarah

Mesyuarat Khas LPA pada 7 Julai 2022 telah meluluskan Piagam LPA bagi menambah baik amalan tadbir urus korporat. LPA tidak dapat menghadiri kursus kerana mempunyai tugas hakiki selain daripada menjadi pengarah Yayasan Taqwa. LPA akan menghadiri kursus yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 16 Ogos 2022.

ii. Ketua Pegawai Eksekutif

Mesyuarat LPA pada 16 Mac 2022 telah meluluskan pelantikan Pemangku KPE sebagai KPE untuk tempoh kontrak dua tahun berkuat kuasa pada 1 April 2022 hingga 31 Mac 2024. MAIWP juga telah meluluskan pelantikan KPE pada 1 Jun 2022. Yayasan Taqwa sedang menunggu perkenan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas pelantikan KPE ini.

iii. Pelan Strategik

Pelan Strategik Tahun 2022 hingga 2025 telah diserahkan kepada MAIWP pada 17 Januari 2022. Pelan Strategik Tahun 2022 hingga 2025 telah diluluskan dalam Mesyuarat Khas LPA pada 7 Julai 2022.

iv. Audit Dalam

Faktor kekurangan sumber manusia di UAD MAIWP menyebabkan pengauditan terhadap lapan syarikat subsidiari termasuk Yayasan Taqwa dilaksanakan secara penggiliran berasaskan risiko. Mesyuarat Khas LPA pada 7 Julai 2022 telah meluluskan cadangan penubuhan Jawatankuasa Audit Dalam dan Governance.

Pendapat Audit	Keseluruhannya, amalan tadbir urus korporat Yayasan Taqwa adalah kurang memuaskan. Bagaimanapun, tindakan yang diambil untuk menambah baik aspek LPA, Pelan Strategik dan Audit Dalam dapat meningkatkan amalan tadbir urus korporat syarikat.
-----------------------	---

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, objektif penubuhan Yayasan Taqwa dalam menerima dan mengagihkan dana kepada penerima bantuan telah tercapai dengan agihan dana berjumlah RM66.75 juta (90.2%). Yayasan Taqwa juga telah menetapkan KPI Keberhasilan Utama berdasarkan cadangan peruntukan perbelanjaan tahunan. Secara keseluruhannya bagi tahun 2019 hingga 2021, sebanyak 13 (27.7%) KPI teras utama telah dicapai manakala sembilan tidak dicapai. Selain itu, 13 KPI tidak dilaksanakan dan 12 KPI tidak dapat diukur pencapaiannya. Kedudukan kewangan Yayasan Taqwa pula adalah stabil. Pengurusan aktiviti agihan dana kurang cekap kerana ketidakpatuhan kepada SOP antaranya bantuan diberikan kepada NPO yang tidak mengemukakan Laporan Program dan Perbelanjaan bantuan terdahulu dan bayaran dibuat melalui akaun pegawai Yayasan Taqwa. Amalan tadbir urus korporat Yayasan Taqwa pula adalah kurang memuaskan. Lima daripada sembilan aspek tadbir urus korporat yang diaudit tidak diamalkan sepenuhnya antaranya berkaitan penyertaan kursus/latihan oleh LPA, pelantikan KPE dan pematuhan kepada SOP.

7. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan keupayaan tadbir urus korporat dan meningkatkan pengurusan aktiviti utama syarikat iaitu agihan dana daripada MAIWP supaya selaras dengan objektif penubuhannya, disyorkan pihak LPA Yayasan Taqwa dan pengurusan Yayasan Taqwa mengambil perhatian perkara berikut:

- i. memastikan pencapaian KPI dibentangkan kepada LPA dan dipantau oleh LPA secara berterusan;

- ii. memastikan pematuhan kepada garis panduan/SOP supaya aktiviti agihan dana dapat dilaksanakan dengan cekap;
- iii. melaksanakan pemantauan yang lebih berkesan bagi memastikan NPO mematuhi Aku Janji; dan
- iv. menambah baik amalan tadbir urus korporat antaranya berkaitan kursus/latihan LPA dan pelantikan KPE.